

UMNO bukan 'rumah persinggahan'

UM 20 JUN 2003

KUALA LUMPUR 19 Jun — Ahli-ahli UMNO yang tidak komited terhadap perjuangan untuk memajukan orang Melayu dan memastikan parti itu terus relevan tidak mempunyai tempat dalam parti kerana UMNO bukanlah "rumah persinggahan."

Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Sabah, Datuk Musa Aman berkata, parti itu tidak mahu ahli-ahlinya sekadar menyertai UMNO untuk memenuhi kepentingan peribadi sahaja dan melupakan tanggungjawab untuk menyelamatkan orang Melayu dari terpinggir dalam arus pembangunan negara.

"UMNO ialah wahana dan nadi perjuangan bangsa, (jadi) kita mesti menjadikan UMNO terus relevan sebagai penyelamat bangsa.

"UMNO adalah milik kita, milik semua masyarakat bumiputera yang mencintai tanah airnya dan semua ahli mempunyai hak

yang sama dan dilayan secara adil oleh perlembagaan parti.

"Bagaimanapun, saya ingin tegaskan bahawa tidak ada tempat bagi mereka yang tidak komited dalam perjuangan parti; UMNO bukannya rumah persinggahan," tegasnya.

Beliau yang juga Ketua Menteri Sabah berkata demikian ketika membahaskan Ucapan Dasar Presi-

den pada Perhimpunan Agung UMNO ke-54, di Pusat Dagangan Dunia Putra hari ini.

Musa berkata, dasar dan gagasan perjuangan UMNO telah berupaya membina kekuatan dan mengangkat martabat selain menyatukan semula orang Melayu dan bumiputera Sabah di bawah satu payung yang besar dan utuh.

"Kita di Sabah sebenarnya bukan sahaja sudah berada dalam kapal yang besar, tetapi juga kapal yang berenjin moden lagi kukuh.

"Perjuangan dan prestasi cemerlang UMNO ini bukan sahaja boleh membantu kemenangan mutlak Barisan Nasional (BN) pada pilihan raya umum akan datang tetapi juga menjamin kelangsungan hidup dan kestabilan sosio-politik, bangsa dan negara Malaysia dulu, kini dan selamanya, insyaAllah," katanya.

Beliau berkata, walaupun tempoh pemerintahan

BN hanya tamat pada Mac 2004, UMNO Sabah tidak pernah lalai dan alpa membuat persediaan untuk menghadapi pilihan raya.

"Walaupun pembangkang di Sabah terutamanya Pas tidak kuat dan kecil pengaruhnya, kita tidak pernah memandang mudah dan remeh, kita tidak akan benarkan Pas memecah belahkan masyarakat kita, kita akan terus berjihad untuk memerangi dakyah-dakyah Pas.

"Kita bertekad untuk meneruskan pembangunan di Sabah dengan memastikan keadaan pembangkang sifar sebagai fenomena yang kekal dan sinonim dengan negeri Sabah," tegasnya.

Musa turut mengucapkan terima kasih kepada Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, atas bakti-bakti yang dicurahkan untuk negara dan parti serta jasanya membawa UMNO kepada masyarakat Sabah.